**Blok A - 207 unit**
**baki 4 unit terakhir**

- **Harga bermula RM499,990 hingga RM684,990**

**Blok B - 143 unit**
**baki 8 unit terakhir**

- **Harga bermula RM524,990 hingga RM684,990**

ANGGUN
LUMAYAN

**Kediaman Bandar Berhampiran Taman & Tasik**

# Pelan Lokasi




Pemaju :Danau Lumayan Sdn. Bhd.

Pemilik Tanah :Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

**+603-91737755**

www.danaulumayan.com.my

Pemaju: Danau Lumayan Sdn. Bhd. (282134-V). Alamat: No. 16, Jalan Tasik Permaisuri 2, Bandar Tun Razak, 56000 Kuala Lumpur. Jenis Kediaman: Pangsapuri Servis. Lesen Pemaju: 7709/08-2025/0825(R). Tempoh Sahlaku Lesen: 13/08/2022-12/08/2025. No. Permit Iklan: Tempoh Sahlaku Permit: Tarikh Dijangka Siap: September 2024. Bebanan Tanah: Tiada. Hak Milik Tanah: Pajakan 99 Tahun, (24 April 2108). Harga Minima: RM499,990 Harga Maksima: RM684,990. Jumlah Unit: 207 unit. Baki unit: 4 unit. Harga Minima: RM524,990 Harga Maksima: RM684,990. Jumlah Unit: 143 unit. Baki unit: 8 unit.

Pihak Berkuasa Tempatan: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. No. Kelulusan Pelan Bangunan: BPS20SC20151804/BPS20SC20192446. Sekatan Kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak, dicagar atau digadai tanpa kebenaran Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA


ANGGUN
LUMAYAN

# Kediaman Bandar Berhampiran Taman & Tasi k

Anggun Lumayan merupakan sebuah lagi kediaman berprestij yang dibangunkan oleh Danau Lumayan, sebuah syarikat pemaju perumahan yang dikenali di Bandar Tun Razak. Lokasinya yang strategik terletak berhampiran dengan pusat bandar Kuala Lumpur serta dikelilingi oleh keindahan taman dan tasik menjadikannya sebuah kediaman pilihan. Danau Lumayan mula membangunkan kawasan di Bandar Tun Razak sejak Jun 2000 dengan tanah seluas 102 ekar dan sehingga kini, kami telah siap membina lebih daripada 4000 unit kediaman, kondominium dan juga lot-lot kedai.

Bukan itu sahaja, Danau Lumayan juga mempunyai rekod yang cemerlang dalam menyiapkan unit kediaman dengan reka bentuk terkini pada harga yang berpatutan. Malah, kesemua unit jualan kami berjaya disiapkan dan berjaya mendapatkan Sijil Layak Menduduki (CF) dalam masa 30 bulan daripada tarikh pelancaran. Dalam masa akan datang, kami akan melancarkan beberapa pembangunan yang lain seperti pembangunan perdagangan yang menggabungkan lot-lot kedai dan pejabat korporat, pusat beli belah dan juga hotel.

Di Danau Lumayan, kami percaya bahawa setiap pembangunan perlu ada keseimbangan dengan kelestarian persekitaran hijau untuk kebahagiaan dan keselesaan penduduk. Walaupun terletak hanya beberapa kilometer daripada pusat bandar, penduduk dapat menikmati kehidupan alam semulajadi memandangkan kediaman ini terletak berhampiran dengan Taman Tasik Permaisuri.







# Dekat Namun Jauh dari Kesibukan Bandar

Anggun Lumayan terletak berdekatan 6 km dari pusat bandar dan bersebelahan dengan taman tasik utama iaitu Taman Tasik Permaisuri. Mempunyai 2 jenis keluasan iaitu 1,100 kaki persegi dan 1,250 kaki persegi, mempunyai ruang bilik tidur yang selesa, ruang tamu yang mewah serta mempunyai ruang balkoni untuk beristirehat. Kehidupan bandar berhampiran dengan tasik dan alam semulajadi ini merupakan suatu persekitaran yang amat sesuai untuk anda sekeluarga.






JENIS A : 1100 k.p

# JENIS A
1,100 k.p

## LUAS LANTAI

| JENIS A | K.P |
|---|---|
| RUANG TAMU / RUANG | 310.2 |
| MAKAN BILIK TIDUR 1 | 148.3 |
| BILIK TIDUR 2 | 119.5 |
| BILIK TIDUR 3 | 119.5 |
| DAPUR | 93.0 |
| BILIK MANDI 1 | 39.6 |
| BILIK MANDI 2 | 39.6 |
| ANJUNG | 57.5 |
| LANGKAN | 40.7 |
| SIRKULASI | 132.0 |
| JUMLAH | 1,100 |

# JENIS B
1,250 k.p




JENIS B : 1250 k.p

## LUAS LANTAI

| JENIS A | K.P |
|---|---|
| RUANG TAMU / RUANG | 330.0 |
| MAKAN BILIK TIDUR 1 | 181.8 |
| BILIK TIDUR 2 | 162.4 |
| BILIK TIDUR 3 | 103.2 |
| DAPUR | 98.3 |
| BILIK MANDI 1 | 43.5 |
| BILIK MANDI 2 | 39.5 |
| ANJUNG | 85.5 |
| LANGKAN | 50.7 |
| SIRKULASI | 155.1 |
| JUMLAH | 1,250 |

# Kemudahan Bersama

- Dewan Serbaguna
- Ruang Gimnasium
- Bilik Persalinan (Lelaki dan Wanita)
- Ruang Dobi
- Kafeteria
- Bilik Bacaan
- Bilik Permainan
- Surau
- Kolam Renang
- Bilik Keselamatan
- Pejabat Pengurusan
- Taman Permainan Kanak-kanak

# Perkhidmatan

- Kawalan Keselamatan 24 jam














# Spesifikasi

**Struktur**
Konkrit Bertetulang

**Dinding**
Dinding Bata / Dinding Konkrit Bertetulang

**Penutup Bumbung**
Bumbung Konkrit Bertelulang / Dek Keluli

**Struktur Bumbung**
Bumbung Konkrit Bertelulang Rata / Kerangka Bumbung Keluli

**Siling**
Kemasan Skim / Siling Plaster

**Tingkap**
Tingkap Berbingkai Aluminium

**Pintu**
Pintu Masuk Utama : Pintu Rintangan Api
Anjung : Pintu Gelongsor Kaca Dengan Bingkai Aluminium
Bilik Air & Lain-Lain : Pintu Kayu
Langkan : Pintu Kayu

**Kunci**
Set Kunci Berkualiti dan Aksesori

**Kemasan Dinding**
Dinding Luaran : Lepaan & Cat
Dinding Dalaman : Lepaan & Cat
Dapur : Lepaan & Cat / Jubin
Bilik Air : Jubin Berketinggian Siling

**Kemasan Lantai**
Ruang Tamu, Ruang Makan, : Jubin
Dapur : Jubin
Anjung : Jubin
Bilik Air : Jubin
Bilik Tidur : Jubin
Langkan : Jubin

**Kelengkapan Kebersihan**
Pancuran Air
Sinki Bilik Air
Tandas Duduk
Sinki Dapur Aluminium
Pemegang Tisu
Bidet Tangan
Pili Air

**Kelengkapan Elektrikal**
Punca Kuasa Lampu
Punca Kuasa Kipas Siling
Punca Kuasa 13A
Punca Kuasa Penghawa Dingin
Punca Kuasa Pemanas Air
Punca Kuasa Loceng Pintu
Soket SMATV
Soket Telefon
Soket Jalur Lebar